



SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/06/41 (HQ)

KONVOI EPIK FANTASTIK DITONTON LEBIH 32 JUTA KALI

Konvoi Epik Fantastik mendapat lebih 32.2 juta tontonan dalam kalangan warga maya setakat ini, sekali gus memecahkan rekod 23.1 juta tontonan untuk iklan raya Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun 2018.

Di platform Youtube, Konvoi Epik Fantastik mencatat lebih 8 juta views, Facebook dan Instagram (7.7 juta views) serta Twitter dengan views sebanyak 2.7 juta manakala views dari portal dan platform digital lain adalah sebanyak 13.5 juta.

Jumlah tontonan di pelbagai platform media sosial itu menggambarkan iklan raya 2019 TNB menjadi antara pilihan utama netizen sejak pelancarannya 23 Mei lalu.

Iklan tersebut memaparkan telatah Nabila dan keluarga besarnya berkonvoi sehari suntuk beraya ke semua 10 rumah adik beradik Tok Wanna. Ia menonjolkan tradisi kunjung mengunjung dalam mengeratkan silaturahmi kekeluargaan, menjadi antara faktor kekuatan iklan raya tahun ini.

Sepanjang perjalanan itu, dipaparkan pelbagai babak lucu serta mencuit nostalgia mereka yang pulang ke kampung meraikan Syawal.

Berdurasi lebih empat minit, iklan raya TNB kali ini memaparkan pemandangan indah negeri Perlis sepanjang perjalanan konvoi keluarga Nabila beraya.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 18 Jun 2019, jam 5.00 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 / Grace Tan di talian 016-6626229 / Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke media@tnb.com.my